SOALAN NO: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]**
TARIKH	:	**23 MAC 2015**
SOALAN	:	

YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

a. Kesan yang berlaku akibat bencana banjir di Malaysia; dan

b. Jenis penyakit yang wujud akibat bencana ini.

Tuan Yang DiPertua,

Banjir mula melanda beberapa negeri di Malaysia bermula 21 November 2014 sehingga 13 Februari 2015 di Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Selangor, Perlis, Kedah, Perak, Negeri Sembilan dan Sabah. Banjir tahun ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti fenomena *Bulan Baru*, luruan *angin sejuk* dari Siberia dan monsun Timur Laut yang bermula awal November 2014 berlarutan sehingga Februari 2015.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Meteorologi terlibat menangani bencana banjir.

Banjir kali ini telah menjejaskan fungsi fasiliti kesihatan kerana dinaiki air atau terputus hubungan. Sebanyak 131 fasiliti kesihatan telah terjejas iaitu 23 buah fasiliti telah musnah dan perlu dibina semula dan 108 fasiliti memerlukan pembaikan segera termasuk keperluan peralatan dan kenderaan. Dalam hal ini, KKM menganggarkan kos sebanyak RM387.51 juta diperlukan untuk unjuran bagi tempoh tiga tahun (2015 hingga 2017) untuk tujuan pembinaan semula fasiliti baru, pengantian peralatan, pembaikan fasiliti serta kesinambungan perkhidmatan melibatkan empat (4) buah negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak.

Terdapat beberapa jenis penyakit yang dipantau oleh KKM semasa banjir diantaranya ialah : Leptospirosis (957), Meliodosis (37), Acute Respiratory Infection (ARI) (7,975), Penyakit Kulit (3584), Acute Gastroenteritis (1066) dan Sakit Mata (280) manakala, pesakit yang mengadu gejala demam sahaja seramai 3,016.

Kejadian bencana banjir pada tahun 2014 telah meninggalkan kesan yang mendalam dari segi kerosakan harta benda, kesihatan fizikal, sosial dan mental mangsa banjir terutama bagi mereka yang berisiko tinggi seperti warga tua, kanak-kanak, ibu hamil, mereka yang mengidap penyakit kronik serta petugas-petugas bantuan kepada mangsa banjir. Walau bagaimanapun, kejadian penyakit berjangkit adalah terkawal dan tidak menjadi satu masalah yang besar kepada kesihatan awam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' DR. TAN KEE KWONG** **[WANGSA MAJU]**
TARIKH	:	**23/03/2015 (ISNIN)**
SOALAN	:	**20**

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan walaupun pihak DCA telah menganggap kesemua mangsa MH370 meninggal dunia, adakah operasi pencarian bangkai pesawat dan mayat mangsa akan diteruskan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, operasi pencarian bangkai pesawat dan mayat mangsa akan diteruskan oleh Kerajaan. Sebarang keputusan untuk memberhentikan operasi pencarian pesawat MH370 tersebut hanya akan diputuskan bersama oleh Kerajaan Malaysia, China dan Australia setelah mendapat nasihat teknikal daripada Kumpulan Pakar berhubung satelit yang dianggotai oleh pakar-pakar daripada *Air Accident Investigation Branch* (AAIB), United Kingdom, *National Transportation Safety Board* (NTSB) United States, *Australian Transportation Safety Bureau* (ATSB), Boeing, *Australia`s Defence Science and Technology Organisation*, Thales, Inmarsat dan Jabatan Penerbangan Awam, Malaysia.

SOALAN NO.: 21

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA**
KAWASAN	**:**	**KETEREH**
TARIKH	**:**	**23 MAC 2015, ISNIN**

SOALAN:

YB. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA (KETEREH) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pembinaan projek Central Spine dan bilakah projek Lebuh Raya Kota Bharu-Machang dapat disiapkan.

17

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf Jalan Central Spine melibatkan laluan Jalan Persekutuan 8 (FT08) dari Bentong – Raub – Lipis – Gua Musang – Kuala Krai sepanjang 390 kilometer. Projek bernilai RM6.6 bilion ini telah diluluskan secara berperingkat mulai RMKe-10. Pelaksanaan projek ini dipecahkan kepada 6 pakej utama.

Dalam RMKe-10 ini, keutamaan Kerajaan ialah untuk melaksanakan pakej 3 terlebih dahulu, iaitu melibatkan skop membina dan menaik taraf jalan antara Merapoh ke Kg. Relong di Lipis, Pahang. Ini kerana laluan tersebut telah dikenal pasti sebagai kawasan yang kerap berlaku kemalangan ('blackspots area').

Setakat ini sepanjang 13.6 kilometer jalan baru telah siap dibina dan dibuka kepada lalu lintas, iaitu melibatkan laluan dari Kg. Kubang Rusa ke Felda Chegar Perah 2, Kuala Lipis. Manakala 24.2 kilometer lagi – iaitu dari Felda Chegar Perah 2 ke Felda Telang dan seterusnya ke Kg. Kechur, Kuala Lipis – di mana ia dijangka akan disiapkan secara berperingkat-peringkat selewat-lewatnya pada bulan Jun 2015. Manakala sebahagian daripada pakej 5 dari Raub ke Bentong, iaitu melibatkan laluan dari Kg. Asap ke Kg.Sertik sepanjang 3.7 kilometer telah ditender pada bulan Januari 2015 dan kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada bulan Jun 2015, tertakluk kepada kelulusan daripada Agensi Pusat. Manakala pakej-pakej lain Jalan Central Spine ini akan ditender dan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh RMKe-11 (2016 – 2020).

Mengenai projek membina dan menaik taraf Jalan Kota Bharu – Kuala Krai pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan pelaksanaan projek tersebut dibuat secara berperingkat kerana ia melibatkan kos yang tinggi, iaitu dianggarkan sebanyak RM2 bilion. Pada masa kini Kerajaan telah meluluskan 2 fasa pembinaan untuk projek membina Jalan Kota Bharu – Kuala Krai ini, iaitu seperti berikut:

1. Fasa 1 (Pakej 1B): Pasir Hor – Kadok:

   Projek ini telah dimulakan pada bulan April 2014 dan dijangka siap pada bulan April 2017 (36 bulan). Harga kontrak semasa ialah sebanyak RM168.4 juta.

2. Fasa 2 (Pakej 2A): Kadok – Ketereh:

   Projek ini dijangka akan dimulakan pada bulan April 2015 dan dijangka siap pada bulan April 2018 (36 bulan). Harga kontrak semasa ialah sebanyak RM136.6 juta.

Pakej seterusnya bagi melengkapkan jajaran dari Kota Bahru ke Machang kini sedang dalam peringkat penyediaan reka bentuk dan akan dimulakan pembinaan sebaik sahaja siap pakej 1B, iaitu dijangka pada bulan April 2017. Manakala baki jajaran Jalan Kota Bharu – Kuala Krai yang lain akan dipohon dan dilaksanakan secara berfasa dalam tempoh RMKe-11 (2016 – 2020), tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat.

Sekian. Terima kasih.